

30 JUL 2002

DR MAHATHIR HADIR MAJLIS TAHLIL HARI PAHLAWAN

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali malam ini menghadiri majlis tahlil di Masjid Negara sempena sambutan Hari Pahlawan esok.

Bacaan tahlil itu diadakan selepas Sembahyang Maghrib dengan diketuai Imam Besar Masjid Negara Datuk Firdaus Ismail.

Turut menyertainya ialah Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Mohd Shafie Apdal dan pegawai-pegawai kanan kerajaan, tentera dan polis.

Hari Pahlawan disambut pada 31 Julai setiap tahun bagi mengenang dan menghargai jasa anggota tentera dan polis yang telah terkorban dan tercedera semasa mempertahankan negara.

Istiadat meletak kalungan bunga di Tugu Peringatan Negara sempena Hari Pahlawan akan diadakan esok.

-- BERNAMA

RZS HM